

NKF bina pusat dialisis di luar bandar

KUALA LUMPUR 29 Nov. - Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) akan membina pusat dialisis di kawasan-kawasan luar bandar bagi menampung pesakit buah pinggang yang semakin meningkat di negara ini.

Pengerusinya, Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher (**gambar**) berkata, pihaknya merancang membina dua pusat dialisis setiap tahun dan antara kawasan dijangka menerima kemudahan itu adalah Tawau di Sabah, Sarikei (Sarawak) dan Kota Bharu (Kelantan).

Menurutnya, projek yang dijangka bermula pada tahun depan akan dijayakan bersama beberapa agensi termasuk Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) selepas mendapat kebenaran daripada pihak Kementerian Kesihatan.

“Tujuan kami membina pusat rawatan ini adalah demi keperluan pesakit yang tinggal di kawasan tertentu dan terpaksa berulang-alik ke tempat yang lebih jauh untuk mendapatkan khidmat rawatan.

“Bagaimanapun pihak kami perlu mengikut garis panduan kementerian dengan memastikan sekurang-kurangnya seorang pakar nefrologi ditempatkan di setiap pusat dialisis yang ingin dibina,” katanya ketika ditemui sempena Mesyuarat Tahunan Dialisis Ke-12, di sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya akan terus mengkaji aliran pembangunan di negara ini demi memastikan perkhidmatan dapat dimantapkan seterusnya memberikan rawatan terbaik kepada pesakit.

